

FACT SHEET

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2024

**DI DEWAN SEROJA, KEM KEMENTAH
23 APRIL 2024**

1. Menteri Pertahanan, **YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertahanan yang disambut oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin Ishak di Dewan Seroja, KEMENTAH, Kuala Lumpur, hari ini.
2. Majlis ini adalah merupakan acara tahunan Kementerian Pertahanan bagi merapatkan ukhwah antara warga disamping meraikan kemeriahkan Aidilfitri. Walaubagaimanapun, Majlis ini adalah yang pertama kalinya kepada YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin setelah memegang portfolio sebagai Menteri Pertahanan sejak 15 Disember 2024 yang lepas. Memeriahkan suasana, seramai 9,000 pengunjung hadir melibatkan Ahli Jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Duta-duta Asing dan Pesuruhjaya Tinggi, Panglima-panglima Perkhidmatan, warga awam Kementerian Pertahanan serta pegawai dan anggota ATM.
3. Majlis turut diserikan lagi dengan acara penyampaian sumbangan kepada **40 orang penerima** yang terdiri daripada golongan asnaf, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) yang terpilih daripada kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), ahli Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP), ahli Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), dan Veteran ATM.
4. Dalam senarai penerima, **tiga adalah anak-anak veteran ATM** yang telah berjaya **menerima biasiswa Yayasan LTAT - IIUM Ummatic**, sumbangan RM50 secara one-off kepada **9,355 anak-anak ATM Tahun 1 sesi persekolahan Tahun 2024** dengan **nilai sebanyak RM467,750.00**, dan **sumbangan RM300 ribu dalam bentuk bantuan kebajikan kepada anak-anak ATM yang kurang upaya** seperti Autisme, Dysparaxia, Masalah Pembelajaran, Autisme, Mild Autism dan Down Syndrom.
5. Turut hadir dalam Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertahanan 2024 adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan serta warga Kementerian Pertahanan dan ATM.